



HEBAHAN PENAWARAN PROGRAM DIPLOMA PASCASISWAZAH PENDIDIKAN AMBILAN OKTOBER 2025

Dengan segala hormatnya, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) sukacita memaklumkan bahawa kemasukan pelajar baharu bagi **Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (DPP)** untuk **Sesi Akademik 2025/2026** kini dibuka!

Maklumat Program

Program DPP ini ditawarkan secara sepenuh masa dan sesi pengkuliahkan akan diadakan pada setiap hujung minggu. Tempoh pengajian adalah selama **satu tahun sahaja (3 semester)**.

Lokasi Pengajian

Program ini akan dilaksanakan di lokasi berikut:

1. **UniSZA Kampus Gong Badak**
2. **UniSZA@Putrajaya**

Nota Penting:

- **Program DPP UniSZA adalah berbentuk Open Market (Pasaran Terbuka)**, dan tiada jaminan penempatan di sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selepas tamat pengajian.
- DPP UniSZA menawarkan **empat (4)** opsyen/elektif major/minor sahaja, yang perlu dipilih berdasarkan bidang pengajian semasa peringkat Sarjana Muda. Opsyen yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- i. **Pendidikan Islam atau Bahasa Arab**
- ii. **Matematik atau Teknologi Maklumat**

Dokumen Yang Diperlukan

Sebelum membuat permohonan, pemohon perlu menyediakan **dokumen berikut** untuk dimuat naik ke dalam sistem:

1. **Gambar berukuran pasport**
2. **Salinan Kad Pengenalan yang disahkan**
3. **Salinan Skrol Sarjana Muda yang disahkan**
4. **Salinan Transkrip Akademik yang disahkan**
5. **Salinan Sijil Pelajaran Malaysia yang disahkan**
6. **Surat Pengesahan Majikan** (bagi pemohon yang sedang berkerja)

Sebarang pertanyaan lanjut boleh diajukan kepada:

- ☎ **011-20890205** (Seksyen Pendidikan Berterusan)
☎ **09- 819 8942/8265/8399/7812** (Bahagian P2P)